

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 MAC 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23

Jabatan Perangkaan perkenal 'OpenDOSM NextGen' pada UNSC

Jabatan Perangkaan perkenal 'OpenDOSM NextGen' pada UNSC

SHAH ALAM - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memperkenalkan 'OpenDOSM NextGen' kepada komuniti statistik global ketika menyertai Suruhanjaya Perangkaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(UNSC) sesi ke-54.

DOSM mewakili Malaysia ke suruhanjaya itu di bawah pimpinan Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik dan Antarabangsa, Ezatul Nisha


Abdul Rahman.

Mohd Uzir berkata, Malaysia berkongsi usaha untuk mewujudkan masyarakat ilmiah dengan mengakses maklumat sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam satu platform.

Ujarnya, ia bagi menggalakkan orang ramai membuat keputusan berdasarkan bukti untuk menjamin pertumbuhan ekonomi mampan, persekitaran sihat dan pembangunan sosial yang inklusif.

"Selepas dua tahun pertemuan maya, Bahagian Perangkaan Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengajurkan sesi bersemuka dan berjaya menarik hampir 500 perwakilan dari 98 negara, 37 organisasi serta tiga pertubuhan bukan kerajaan."

- Mohd Uzir



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mewakili Malaysia ke Suruhanjaya Perangkaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) sesi ke-54 di bawah pimpinan Mohd Uzir dan Ezatul Nisha.

"Suruhanjaya berkenaan adalah bertujuan membincangkan kepentingan dan pernyeragaman statistik untuk manfaat semua rakyat, kerajaan serta organisasi bukan kerajaan di seluruh dunia dalam memajukan 'Data Lebih Baik, Kehidupan Lebih Baik', katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Mohd Uzir menambah, Malaysia turut menyatakan sokongan untuk menubuhkan kumpulan 'Friends of the Chair'

“

Selepas dua tahun pertemuan maya, Bahagian Perangkaan Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengajurkan sesi bersemuka dan berjaya menarik hampir 500 perwakilan dari 98 negara, 37 organisasi serta tiga pertubuhan bukan kerajaan."



baru mengenai statistik sosial dan demografi.

"Usaha itu adalah bagi meningkatkan kapasiti nasional dan kerjasama dalam menjana inisiatif dan kaedah bagi mengukuhkan peranan statistik negara kekal relevan dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat..

"Untuk mengimbangi perkaitan dengan penggubalan dasar negara dan menggalakkan kebolehbandingan antarabangsa merentas negara, Malaysia juga komited untuk mengenal pasti petunjuk dan subjek pengasingan yang terpakai di semua negara," jelasnya.

Mohd Uzir memberitahu,

memodenkan perangkaan rasmi melalui pendigitalan serta memanfaatkan sumber data pentadbiran adalah penting untuk pejabat statistik negara kekal relevan dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat..

"Dalam hal ini, Malaysia, melalui Jabatan Perangkaan telah mengubah operasi statistik secara menyeluruh dengan menggunakan teknologi seperti pengumpulan data dalam talian, analisis data besar, komunikasi data melalui papan pemuka dan platform data terbuka," ujarnya.